

MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua dan kemunculan blok dunia yang membawa kepada Perang Dingin. Peristiwa atau konflik ini telah meninggalkan kesan terhadap politik antarabangsa. Konflik antarabangsa ini menimbulkan pelbagai cabaran yang menjadi latar belakang kepada penglibatan Malaysia dalam hal ehwal antarabangsa. Dalam usaha menangani cabaran-cabaran ini, terbentuk kerjasama antarabangsa dan serantau bagi mencari persefahaman politik dan ekonomi.

KONFLIK ANTARABANGSA

Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua merupakan konflik antarabangsa yang berlaku pada pertengahan abad ke-20. Konflik ini telah meninggalkan kesan besar terhadap selarah dunia.

PERANG DUNIA PERTAMA (1914-1918)

1. Perang Dunia Pertama berlaku disebabkan oleh faktor politik dan ekonomi.
2. Antara faktor politik termasuklah kemunculan nasionalisme dan sistem pakatan negara-negara Eropah, iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
3. Faktor ekonomi pula melibatkan persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi.

Faktor Perang Dunia Pertama

I. Keinginan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar

1. Pada penghujung abad ke-19, negara-negara kecil di Eropah telah bersatu dan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar, contohnya, Jerman dan Itali. Kedua-dua negara ini menyertai kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, Austria-Hungary dan Rusia dalam usaha mendapatkan tanah jajahan. Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar ini sanggup berperang bagi membuktikan kekuasaan masing-masing. Menjelang penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, persaingan sengit berlaku di kalangan kuasa Eropah ini akibat Imperialisme Baru. Kuasa besar mula bersaing bagi membentuk lingkungan pengaruh masing-masing untuk mendapatkan bahan mentah dan untuk memasarkan barangan siap mereka.

II. Persaingan antara dua pakatan

2. Menjelang awal abad ke-20, negara Eropah mempunyai dua pakatan, iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. Persaingan antara kedua-dua pakatan ini mula mengancam perimbangan kuasa dunia yang wujud pada ketika itu.

III. Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand

3. Faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, iaitu pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya oleh seorang penganas Serbia pada 28 Jun 1914. Austria dengan sokongan Jerman telah mengisytiharkan perang terhadap Serbia pada 28 Julai 1914. Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia dan Perancis. Serangan Jerman terhadap Perancis melalui negara berkecuali, iaitu Belgium telah menimbulkan kemarahan Britain. Negara Britain yang sememangnya bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan dalam peperangan ini. Britain kemudiannya meminta bantuan Amerika Syarikat. Serangan Jerman terhadap kapal dagang Amerika Syarikat turut melibatkan negara tersebut dalam peperangan ini.

Kesan Perang Dunia Pertama

1. Dari segi politik, Perang Dunia Pertama telah menamatkan pemerintahan beraja di Eropah. Persidangan Damai yang diadakan pada bulan Jun tahun 1919 membawa kepada peneraian Perjanjian Versailles. Perjanjian ini telah mengubah peta Eropah dan membentuk beberapa buah negara baru.
2. Perjanjian ini juga membawa kepada pembentukan Liga Bangsa pada tahun 1919. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa di samping menjamin keselamatan bersama. Keahlian liga ini termasuk negara-negara bersekutu (kecuali Amerika Syarikat) dan negara-negara berkecuali. Namun, liga ini gagal menjamin kesejahteraan dunia.
3. Dari segi ekonomi pula, negara-negara yang berperang mengalami inflasi dan hutang peperangan yang tinggi disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar. Pada akhir peperangan, Pakatan Bertiga telah membelanjakan US\$125 bilion manakala Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion. Ini membawa kepada masalah inflasi dan pengangguran. Pasaran dunia juga mula diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun. Ini amat dirasai oleh negara-negara Eropah terutama Britain, iaitu sebuah negara industri yang sebelum ini menguasai peratus perdagangan dunia yang terbesar. Perang Dunia Pertama Perang Dunia Pertama menyebabkan Britain kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya. Kesan sosial dapat dilihat dari segi kehilangan nyawa yang begitu ramai.

PERANG DUNIA KEDUA (1939-1945)

Perang Dunia Kedua juga tercetus disebabkan oleh faktor politik, iaitu kegagalan Perjanjian Versailles menyelesaikan masalah Perang Dunia Pertama dan juga perubahan politik yang berlaku di Jerman, Soviet Union, Itali dan Jepun. Dari segi ekonomi pula perang ini disebabkan kemelesetan yang berlaku pada awal tahun 1930-an.

Faktor Perang Dunia Kedua

Perjanjian Versailles

1. Perjanjian Versailles telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan beberapa orang pemimpin negara terutama Jerman kerana negara itu kehilangan tanah jajahannya dan terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi. Di samping itu, Jerman juga diarahkan untuk mengurangkan saiz angkatan tenteranya. Pada masa ini muncul seorang pemimpin baru di Jerman, iaitu Adolf Hitler yang berjaya menguasai Jerman melalui partinya National Socialist. Hitler telah mengingkari Perjanjian Versailles apabila beliau membina sebuah angkatan tentera yang besar.

Perang saudara di Rusia

2. Di Rusia, perang saudara telah berlaku. Pihak komunis berjaya mengalahkan pihak lawan yang dibantu oleh tentera Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan Jepun. Vladimir Lenin telah mengukuhkan ideologi komunis di Rusia yang kemudiannya dikenali sebagai Kesatuan Republik Sosialis Soviet atau Union of Soviet Socialist Republics (USSR) pada tahun 1922. Pada tahun 1924, Vladimir Lenin meninggal dunia dan digantikan oleh Joseph Stalin. Itali dengan pimpinan Benito Mussolini telah menjajah Habsyah (kini Ethiopia), Itali pula telah menceroboh Perancis pada tahun 1940.

Kemunculan Jepun sebagai sebuah kuasa

3. Di Timur, Jepun muncul sebagai sebuah kuasa yang ingin menguasai negara-negara di Timur dan berasa bertanggungjawab untuk membebaskan negara-negara ini daripada penjajahan Barat.

Kemelesetan ekonomi

4. Pada tahun 1929, kemelesetan ekonomi melanda Amerika Syarikat dan seterusnya merebak ke bahagian lain di dunia. Amerika Syarikat tidak mampu lagi menyediakan pinjaman untuk Jerman dan ini menyebabkan Jerman tidak berupaya membayar hutang peperangan. Masalah ekonomi ini, menyebabkan negara Eropah lain termasuklah Britain, Perancis dan Itali mengurangkan peruntukan ketenteraan. Hal sebaliknya berlaku di Jerman yang bertindak mengukuhkan ketenteraannya dan menjalankan perluasan kuasa bagi mengalihkan perhatian rakyatnya daripada masalah ekonomi. Perkara yang sama juga berlaku di Jepun.

Bagaimana Perang Dunia Kedua meletus?

1. Perang Dunia Kedua meletus apabila Jerman menyerang Poland dari barat manakala USSR menyerang Poland dari timur. Serangan ini menyebabkan Britain dan Perancis mengisytiharkan perang terhadap Jerman.
2. Jepun melancarkan serangan mengejut terhadap Pearl Harbour di Hawaii pada 7 Disember 1941 dan berjaya memusnahkan angkatan perang Amerika Syarikat di Lautan Pasifik. Seterusnya, pihak Jepun menduduki Tanah Melayu termasuk Singapura setelah berjaya mengalahkan Britain pada bulan September 1942.
3. Seperti dalam Perang Dunia Pertama, muncul pakatan yang berasingan. Amerika Syarikat memilih untuk menyertai Kuasa Bersekutu yang terdiri daripada Britain, Perancis dan Soviet Union manakala Kuasa Paksi terdiri daripada Jerman, Itali dan Jepun.

Apakah kesan daripada Perang Dunia Kedua ?

1. Kuasa Bersekutu berjaya menyelesaikan masalah di Eropah apabila pihak Jerman dikalahkan pada bulan Mei 1945. Kekalahan Jerman telah mengalihkan perhatian Kuasa Bersekutu kepada Jepun di Asia. Walaupun Amerika Syarikat memenangi beberapa peperangannya dengan Jepun tetapi Jepun masih lagi bersemangat meneruskan perjuangan mereka. Dengan alasan ingin mengelakkan tempoh peperangan yang lama dan kehilangan nyawa yang lebih ramai, pada 6 Ogos 1945, Presiden Amerika Syarikat, Harry Truman, mengarahkan bom atom yang pertama digugurkan di Hiroshima. Dalam masa yang singkat bandar tersebut musnah. Dua hari kemudian, bom kedua dijatuhkan di Nagasaki.
2. Perang ini telah memecahbelahkan negara-negara di Eropah, meruntuhkan sistem imperialisme, membentuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menubuhkan negara-negara baru yang merdeka dan menyebabkan Perang Dingin.
3. Perang Dunia Kedua telah menyebabkan negara Jerman terbahagi kepada dua, iaitu Jerman Barat dan Jerman Timur. Tamatnya Perang Dunia Kedua memperlihatkan keruntuhan sistem imperialisme Barat dan kemerdekaan satu demi satu tanah jajahan daripada kuasa-kuasa besar Eropah. Amerika Syarikat telah memberikan kemerdekaan kepada Filipina. Indonesia pula mencapai kemerdekaan daripada Belanda manakala India dan Tanah Melayu daripada Britain. Negara-negara baru ini perlu menangani masalah yang timbul daripada warisan ekonomi penjajah dan membangunkan ekonomi masing-masing.

4. Dari segi sosial, peperangan ini menyebabkan jumlah korban nyawa yang tinggi dan menimbulkan kesedaran tentang pentingnya kesejahteraan dan kedamaian dunia. Ini membawa kepada pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Oktober 1945 bagi menggantikan Liga Bangsa.

KEMUNCULAN BLOK DUNIA

1. Penyelesaian Perang Dunia Kedua dicapai dalam beberapa siri persidangan. Kebuntuan dalam siri rundingan ini menimbulkan bibit perpecahan dan akhirnya membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin.
2. Blok dunia merujuk kepada negara-negara yang sehaluan yang berusaha untuk bersatu dan bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli. Blok ini tampil dalam pelbagai bentuk, iaitu sama ada berdasarkan aspek politik, ekonomi atau geografi. Blok dunia yang terbentuk semasa Perang Dingin berasaskan geopolitik.
3. Perang Dingin berlaku sejak tamatnya Perang Dunia Kedua sehinggalah tahun 1989 apabila sistem komunis Soviet Union hancur. Perang Dingin berlaku disebabkan ideologi dan fahaman politik yang berbeza. Hal ini merujuk pada persaingan kuasa yang berlaku antara blok kapitalis yang diketuai oleh Amerika Syarikat dengan blok komunis yang diketuai oleh Soviet Union. Perang ini juga dikenali sebagai Perang Dingin kerana tidak berlaku sebarang konflik bersenjata secara langsung antara kedua-dua blok ini. Namun, kedua-dua blok ini ingin membuktikan kekuatan masing-masing. Mereka berusaha menyebarkan pengaruh dan memajukan kepentingan masing-masing di Eropah dan juga di Asia melalui propaganda serta bantuan ekonomi dan ketenteraan.
4. Negara-negara Dunia Ketiga tidak bersekongkol dengan mana-mana negara daripada blok komunis (negara Dunia Kedua) mahupun daripada blok kapitalis (negara Dunia Pertama) dan mengamalkan sikap berkecuali. Namun, semasa Perang Dingin blok komunis dan blok kapitalis ini berusaha mempengaruhi pegangan negara-negara Dunia Ketiga ini dengan menawarkan bantuan pertahanan dan ekonomi. Negara-negara Dunia Ketiga ini menjadi rebutan dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union yang kemudiannya disertai oleh China.
5. Kesan Perang Dingin yang paling penting selain pembentukan blok dunia ialah penubuhan NATO, Pakatan Warsaw dan Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara atau South-East Asia Treaty Organisation (SEATO) serta perlumbacin senjata.
6. Konflik antarabangsa yang berlaku telah membawa perubahan ketara dari segi politik, ekonomi dan sosial kepada negara-negara Eropah, Asia, Afrika, Asia Barat dan Amerika Latin. Perubahan ini memberikan peluang dan juga cabaran terutamanya kepada negara-negara baru termasuk Malaysia dalam usaha membina identiti yang tersendiri. Peluang dan cabaran ini harus ditangani melalui hubungan antarabangsa dan hubungan serantau yang dapat menjamin kepentingan bersama.

PERANAN DAN SUMBANGAN MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN ANTARABANGSA

1. Malaysia mempunyai dasar luarnya yang tersendiri, iaitu berbaik-baik dengan semua negara. Kepentingan dasar luar Malaysia merujuk pada matlamat yang ingin dicapai oleh Malaysia. Antaranya, menjamin keselamatan rakyat dan negara, memelihara kepentingan nasional dan mengekalkan kedaulatan negara, menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi serta mengekalkan keamanan seagat melalui kerjasama antarabangsa. Selain itu, matlamat dasar luar Malaysia adalah untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia

2. Malaysia melaksanakan dua bentuk hubungan luar dengan negara-negara lain, iaitu hubungan bilateral dan hubungan multilateral.
3. Hubungan bilateral merujuk pada hubungan secara terus dengan negara-negara tertentu. Contohnya, Malaysia mengutamakan hubungan dengan negara-negara jiran antaranya termasuklah Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam. Selain itu, hubungan luar juga diadakan dengan negara Asia yang lain, Amerika Latin, Afrika, Asia Barat serta negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat.
4. Hubungan multilateral pula merujuk pada hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau Association of South-EastAsian Nations (ASEAN), Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam atau Organisation of Islamic Conference (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau NonAligned Movement (NAM) dan sebagainya.

DASAR-DASAR LUAR MALAYSIA

ASAS-ASAS PENGGUBALAN DASAR LUAR MALAYSIA

Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor yang menentukan corak dan arah dasar luar negara. Faktor-faktor berkencian ialah seiarah, ekonomi, politik, geografi dan demografi.

Faktor Sejarah

1. Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka telah terjalin hubungan dengan negara luar seperti China, Arab, Siam dan juga negeri-negeri di Kepulauan Melayu. Hubungan luar ini lebih berbentuk hubungan perdagangan. Pada masa ini telah terjalin hubungan Melayu serumpun di Kepulauan Melayu termasuklah negara-negara yang pada hari ini dikenali sebagai Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia. Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia menyertai pertubuhan Komanwel dan meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain dan negara Komanwel lain seperti Australia dan New Zealand. Pada masa itu, Malaysia sedang diancam oleh fahaman komunis yang disebarkan oleh Parti Komunis
2. Malaya (PKM). Ancaman komunis ini menggugat keselamatan negara Malaysia dan dengan ini mendorong Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis. Pada masa yang sama, Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat kerana Malaysia belum mempunyai keupayaan pertahanan.

Faktor Ekonomi

3. Malaysia merupakan negara yang mengamalkan pasaran bebas. dan dengan ini menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain di dunia dalam usaha memajukan ekonominya. Sejak zaman penjajahan British lagi, Malaysia merupakan antara negara pengeluar utama bijih timah dan getah. Pada masa ini telah terjalin hubungan ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat.
4. Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia masih mengharapkan pasaran dan juga modal dari negara-negara tersebut. Beberapa langkah telah diambil bagi menggalakkan pelaburan asing. Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan ekonomi negara di samping menyediakan peluang pekerjaan.
5. Menjelang tahun 1980-an, melalui Dasar Pandang ke Timur, pelaburan asing juga digalakkan dari negara-negara di Timur terutama Jepun dan Korea. Pada masa yang sama, Malaysia menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun dan juga negara-negara Islam bagi meningkatkan pasaran barangan keluaran Malaysia di samping mengadakan pelaburan di negara berkenaan.

Faktor Politik

6. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan prinsip-prinsip keamanan sejagat. Ini jelas terpapar dalam dasar luar Malaysia yang menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain. Contohnya, dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat. Malaysia juga berpegang teguh pada prinsip-prinsip dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia. Oleh itu, Malaysia tegas dengan pendiriannya menyokong semua resolusi yang telah diambil oleh PBB bagi mencapai dan mengekalkan keamanan dunia.
7. Malaysia mempunyai kedudukan yang strategik di Asia Tenggara dan bersempadan dengan hampir kebanyakan negara di rantau ini seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei. Perairannya juga menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia. Dengan itu, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap keselamatan Malaysia.
8. Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam sejajar dengan penduduknya yang majoriti beragama Islam. Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel disebabkan dasar negara berkenaan yang mencerooboh dan menindas peribumi Palestin.
9. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama juga diberikan kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing. Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia menyebabkan Malaysia menentang keras Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan. Malaysia juga tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan negara berkenaan sehinggalah undang-undang dasar aparteid itu dihapuskan oleh kerajaan Afrika Selatan. Oleh itu, faktor kepelbagaian kaum di negara ini amat mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia.

Dasar Aparteid

Dasar kerajaan Afrika Selatan yang membezakan taraf penduduk Afrika Selatan mengikut warna Kulit. Orang Kulit putih diberikan banyak keistimewaan, manakala orang Kulit hitam atau kulit berwarna dianggap rendah dan tidak diberikan hak politik dan kemasyarakatan yang sama.

PERKEMBANGAN DASAR LUAR MALAYSIA

1. Sejak mencapai kemerdekaan, dasar luar Malaysia sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan perkembangan dunia. Dalam menentukan dasar luar negara, perkembangan semasa memainkan peranan penting. Pengaruh komunis yang begitu kuat dan perkembangan dunia yang sedang menghadapi era Perang Dingin merupakan faktor yang perlu diambil kira.
2. Perkembangan dasar luar Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga tahap seperti yang berikut:

Tahap Pertama	Tunku Abdul Rahman (1957-1970).
Tahap Kedua	Tun Abdul Razak (1972-1976) dan Tun Hussein Onn (1976-1981).
Tahap Ketiga	Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003).

Tahap Pertama

1. Dasar luar Malaysia pada tahap pertama memperlihatkan dasar pro-Barat yang antikomunis serta dasar berbaik-baik dengan negara jiran dan Komanwel. Dasar luar berkenaan dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial. Faktor politik merujuk pada ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan juga di dalam negara melalui Parti Komunis Malaya. Oleh itu, Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand.
2. Bagi menyekat perkembangan pengaruh komunis, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu atau Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956. Mengikut perjanjian ini pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara.
3. Di samping itu, dasar luar Malaysia juga adalah berbaik-baik dengan negara jiran. Hal ini disebabkan timbulnya krisis dengan negara jiran terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan seperti konfrontasi dengan Indonesia (1963 -1965), terputusnya hubungan dengan Filipina (1963 1965) dan keluarnya Singapura daripada Malaysia (1965). Usaha-usaha untuk memelihara hubungan dengan negara jiran terbukti melalui beberapa perjanjian. Malaysia telah menandatangani perjanjian menubuhkan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961 bersama-sama Thailand dan Filipina, MAPHILINDO pada tahun 1962 bersama-sama Indonesia dan Filipina serta ASEAN pada tahun 1967 bersama-sama Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura.
4. Faktor ekonomi pula memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain dalam menjaga kepentingan ekonomi negara ini. Pertama, hal ini disebabkan Malaysia merupakan anggota blok sterling yang menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang paun sterling. Kedua, Malaysia masih memberikan tumpuan kepada dua hasil utamanya, iaitu bijih timah dan getah dengan mengharapkan sepenuhnya permintacin daripada negara Barat termasuk Britain. Ketiga, pelabur Britain masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia terutannya dalam bidang perladangan dan perindustrian.
5. Bagi mengurangkan pergantungan ini, Malaysia yang mengamalkan pasaran bebas mula membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Jerman Barat bagi mengurangkan pergantungan kepada Britain dan bagi mencari pasaran baru.

Tahap Kedua

1. Menjelang tahun 1970-an dasar luar Malaysia mula berubah kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara. Perubahan dasar luar ini disebabkan kurangnya peranan yang dimainkan oleh AMDA dan kurangnya pengaruh Britain di Timur. Perubahan dasar ini juga disebabkan oleh pergolakan yang berlaku di Vietnam yang melibatkan dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan China.
2. Dalam mencapai matlamat dasar luar Malaysia, beberapa usaha telah dilakukan seperti mengisytiharkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali atau Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) bersama-sama dengan anggota negara ASEAN. Malaysia juga telah menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis seperti China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Mongolia.
3. Keinginan Malaysia menjalin persahabatan dengan semua negara khususnya dengan negara jiran jelas dapat dilihat apabila Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan

Vietnam pada tahun 1976. Masalah pelarian Vietnam di Malaysia dapat diatasi dengan kerjasama negara-negara jiran.

Tahap Ketiga

1. Dasar luar Malaysia pada tahap ini telah mengekalkan dasar-dasar tahap kedua tetapi memberikan penekanan kepada kepentingan ekonomi. Kepentingan ini adalah berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan pembangunan terutama di kalangan negara membangun. Dalam usaha mencapai matlamat dasar tersebut, Malaysia telah mengadakan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara ASEAN seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea.
2. Di samping itu, Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan pada tahun 1982 dengan menggunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model bagi membangunkan negara Malaysia. Dasar ini bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil dan menerima pakai nilai-nilai yang baik seperti semangat mencintai negara, kesungguhan dalam pekerjaan dan etika pengurusan kerja yang baik.
3. Malaysia juga telah mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara lain menerusi lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, ke negara Afrika, Amerika Selatan, Caribbean dan Pasifik Selatan. Dalam setiap siri lawatannya, misi perdagangan Malaysia akan turut serta dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Beliau percaya Malaysia bukan sahaja harus menjalin hubungan politik dan perdagangan dengan negara maju malah dengan negara Dunia Ketiga juga.
4. Berdasarkan tiga tahap berkenaan, didapati dasar luar Malaysia berubah daripada dasar pro-Barat kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara, serta memberikan penekanan kepada hubungan dua hala yang dapat memantapkan ekonomi negara.

MALAYSIA DAN PERTUBUHAN ANTARABANGSA

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menyertai beberapa pertubuhan antarabangsa dan bergiat secara aktif seperti dalam Komanwel, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Kumpulan Selatan-Selatan dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Komanwel

1. Pertubuhan ini telah dibentuk pada tahun 1931 dan anggotanya terdiri daripada negara bekas tanah jajahan Britain yang telah merdeka. Keanggotaannya terdiri daripada 54 buah negara maju dan juga negara sedang membangun. Sekretariat Komanwel telah ditubuhkan pada tahun 1965 dan beribu pejabat di London.
2. Matlamat penubuhan Komanwel adalah untuk membina semangat, setio kawan di kalangan negara anggota dan mewujudkan kerjasama dalam segala bidang. Selepas mencapai kemerdekaan, negara-negara Komanwel telah membantu Malaysia memelihara keamanan dan kedaulatan negara dalam bentuk menyekat perjuangan Parti Komunis Malaya. Perjanjian pertahanan antara Malaysia dengan Britain, Australia dan New Zealand juga menjanjikan bantuan daripada mereka sekiranya Malaysia diserang oleh mana-mana pihak semasa Malaysia berkonfrontasi dengan Indonesia.
3. Sebagai negara anggota Komanwel, Malaysia telah mendapat banyak faedah, antaranya termasuklah kerjasama pertahanan. Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel atau

Commonwealth Head of Governments Meeting (CHOGM) diadakan di kalangan negara anggota setiap dua tahun.

4. Mesyuarat ini menyediakan ruang bagi pertemuan ketua-ketua kerajaan untuk membincangkan hal-hal kepentingan bersama. Mesyuarat CHOGM di Malaysia pada tahun 1989 telah mengisytiharkan Deklarasi Langkawi. Malaysia juga dengan lantang bersuara menentang dasar aparteid di Afrika Selatan yang menyalahgunakan hak asasi manusia. Begitu juga dari segi perdagangan, eksport Malaysia ke negara-negara Komanwel terutamanya Britain dikenakan cukai yang rendah. Namun, keistimewaan ini telah dihakis selepas Britain menjadi anggota pertubuhan Kesatuan Eropah (EU). Rancangan Colombo pula menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa dalam bidang pendidikan. Dalam bidang sukan, Malaysia telah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

1. PBB telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1945, iaitu selepas Perang Dunia Kedua apabila Liga Bangsa dibubarkan setelah gagal menghalang berlakunya Perang Dunia Kedua. Ibu pejabat asalnya di San Francisco tetapi pada tahun 1946 berpindah ke New York. Pada awal penubuhannya, PBB dianggotai oleh 51 buah negara sahaja tetapi sehingga tahun 2002 keanggotaannya meningkat kepada 189 buah negara. Malaysia telah menjadi ahli PBB pada tahun 1957, setelah negara kita mencapai kemerdekaan.
2. Negara anggota PBB harus akur dengan Piagam PBB, iaitu satu perjanjian antarabangsa yang menggalurkan prinsip-prinsip asas hubungan antarabangsa. Terdapat empat matlamat Piagam PBB. Pertama, Logo PBB. Pertama, menjamin keamanan dan keselamatan dunia. Kedua, menggalakkan hubungan berbaik-baik antara negara anggota. Ketiga, bekerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama dan warna Kulit. Keempat, menjadi pusat bagi mengharmonikan tindakan negara-negara anggota.
3. Malaysia telah memainkan peranan penting dalam PBB semasa membantu menyelesaikan konflik antarabangsa. Sejak tahun 1960, Malaysia telah dipilih untuk menyertai pasukan pendamai di bawah panii-panii PBB untuk menamatkan perang saudara di Congo (kini dikenali sebagai Zaire). Pada tahun 1989, sekali lagi Malaysia dipilih untuk mewakili pasukan pengaman PBB ke Namibia bagi membantu negara itu mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1990-an, Malaysia telah menghantar pasukan pemerhati ke sempadan Iran-Iraq dan Kampuchea serta menghantar pasukan pengaman ke Bosnia.
4. Malaysia juga lantang bersuara di PBB menentang dasar aparteid di Afrika Selatan. Negara kita juga menyarankan agar Benua Antartika menjadi warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik atau kuasa semua negara.
5. Dari segi ekonomi, Malaysia juga menjadi ahli Bank Dunia, iaitu bank antarabangsa yang ditubuhkan oleh PBB pada bulan Disember 1945. Matlamat penubuhan Bank Dunia ini adalah untuk membantu negara-negara ahli yang sedang membangun terutama dari segi kewangan dalam menyusun semula dan membangunkan ekonomi negara-negara tersebut. Malaysia sebagai ahli memperoleh faedah dari segi kemasukan pelabur-pelabur asing dan ini diharapkan dapat membasmi kemiskinan di luar bandar selain menyediakan peluang pekerjaan. Malaysia telah menggunakan bantuan daripada Bank Dunia untuk menjayakan rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan.
6. Malaysia juga mengambil pendirian teguh terhadap usaha-usaha memerangi gejala penyalahgunaan dadah. Hasil daripada usul Malaysia, satu persidangan antarabangsa

diadakan di Vienna (Austria) pada bulan Jun 1987 dan Perdana Menteri Malaysia menjadi Yang Dipertua persidangan tersebut. Di samping itu, Malaysia juga telah bekerjasama dan menyertai beberapa agensi di bawah PBB. Contohnya, kerjasama dalam bidang pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian atau Food and Agricultural Organization (FAO), kerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan di bawah Pertubuhan Kesihatan Dunia atau World Health Organization (WHO), dan juga kerjasama dalam bidang sains dan teknologi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations for Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

7. Malaysia juga pernah dipilih menjadi ahli Mailis Keselamatan PBB pada tahun 1965, 1989 dan 1999. Wakil Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail menjadi Pengerusi Perhimpunan Agung PBB dan beliau dilantik sebagai wakil khas PBB untuk menyelesaikan konflik politik negara Myanmar. Malaysia juga berpendirian tegas dalam mendesak PBB menjalankan usaha menyelesaikan masalah Palestin dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur.

Laman rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

<http://www.un.org/>

Di sini anda boleh mendapatkan maklumat tentang sejarah penubuhan Liga Bangsa, keahliannya, serta maklumat terkini tentang aktiviti pertubuhan dunia ini.

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)

1. NAM telah ditubuhkan pada bulan September 1961 semasa kemuncak Perang Dingin. Ahlinya merupakan negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. Anggotanya terdiri daripada 113 buah negara, manakala 16 buah negara sebagai pemerhati dan 28 buah negara merupakan tetamu jemputan.
2. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong blok Barat atau blok komunis. Malaysia telah menganggotai pertubuhan ini pada tahun 1970, iaitu setelah berlakunya pertukaran Dasar Luar Malaysia daripada dasar pro-Barat dan antikomunis kepada dasar berbaik-baik dengan semua negara.
3. Prinsip perjuangan NAM adalah mengelakkan campur tangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara, menghormati kedaulatan sesebuah negara, menyelesaikan sebarang pertelingkahan antara negara melalui perundingan dan persefahaman serta menghormati hak asasi manusia.
4. Dalam Sidang Kemuncak Ketujuh di New Delhi pada tahun 1987, Malaysia telah membuat beberapa usul bagi membela kepentingan negara-negara sedang membangun. Antaranya termasuklah isu Palestin, kerjasama ekonomi dan isu Benua Antartika.
5. Dalam Sidang Kemuncak Kelapan di Harare (Zimbabwe), Malaysia telah mengemukakan cadangan bagi menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan.
6. Pada tahun 1989, Malaysia telah diberikan penghormatan apabila dipilih sebagai Naib Presiden dalam Sidang Kemuncak NAM di Belgrade, Yugoslavia. Malaysia juga telah dilantik sebagai ahli Kumpulan 16 yang membincangkan isu kerjasama politik negara anggota.
7. Di samping itu, Malaysia juga telah berjaya menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM yang ke-13 pada tahun 2003. Sidang kemuncak ini mencatatkan penyertaan tertinggi dengan kehadiran 63 negara ahli, iaitu 31 Ketua Negara dan 32 Ketua Kerajaan. Selain itu,

sidang kemuncak ini berjaya mendaftarkan dua negara anggota baru, iaitu Timur Leste dan Pulau Catalina. Pada masa yang sama, sidang ini berjaya menganjurkan satu mesyuarat tidak rasmi OIC. Deklarasi Kuala Lumpur menekankan usaha menghidupkan kembali NAM dan pernyataan bersama telah dikeluarkan tentang kedudukan Palestin dan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Negara-Negara Selatan

1. Negara-Negara Selatan juga dikenali sebagai Negara-negara Dunia Ketiga. Negara-negara ini mempunyai banyak persamaan dari segi latar belakang ekonominya dan pernah dijajah oleh kuasa Barat. Negara ini masih bergantung kepada negara maju dalam pemasaran bahan mentah. Pergantungan kepada negara-negara maju adalah kerana Negara-Negara Selatan tidak mempunyai kepakaran dan modal untuk memproses bahan mentah menjadi barangan siap. Pergantungan ini membawa kepada syarat perdagangan yang tidak adil seperti kawalan terhadap harga bahan mentah dan pengenaan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman yang diberikan. Oleh itu, matlamat kumpulan ini adalah untuk mengatasi harga eksport bahan-bahan mentah dan meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara anggota tanpa bergantung kepada negara-negara maju.
2. Malaysia memainkan peranan penting dalam menubuhkan Suruhanjaya Selatan-Selatan kerana idea penubuhannya datang daripada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa Sidang Kemuncak NAM di Zimbabwe pada tahun 1987. Strateginya adalah dengan menubuhkan Kumpulan 15 atau G 15 pada tahun 1989. Sidang kemuncak G 15 yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1990.
3. Antara projek yang dirancang termasuklah kerjasama dalam bidang sains dan teknologi serta penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan atau South Investment, Trade and Technology Data Exchange Center (SITTDEC) di Kuala Lumpur, penubuhan Sistem Keistimewaan Perdagangan Global atau Global System of Trade Preference (GSTP) dan juga penubuhan kemudahan kredit dan mekanisme kewangan pembiayaan perdagangan.

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

1. OIC yang beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi, ditubuhkan pada tahun 1971 daripada idea Tunku Abdul Rahman. Semasa ditubuhkan ahlinya terdiri daripada 57 buah negara dengan tiga buah negara lagi sebagai pemerhati. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk mengeratkan hubungan sesama negara Islam dalam segala bidang dan bersuara dalam satu nada bagi kepentingan umat Islam. Matlamatnya juga adalah untuk mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan antara negara Islam serta bersama-sama memastikan tempat-tempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari.
2. Pertubuhan ini banyak memberikan bantuan kepada negara-negara Islam yang menghadapi masalah seperti menghantar pasukan perubatan ke Lubnan, Bosnia dan Afghanistan. Bantuan dalam bentuk kewangan juga diberikan kepada negara-negara Islam yang kurang maju seperti Sudan, Nigeria dan Chad. OIC juga telah menubuhkan Bank Pembangunan Islam bagi memberikan perkhidmatan kewangan kepada negara anggota.
3. Malaysia telah memainkan peranan penting dalam pertubuhan ini apabila Tunku Abdul Rahman diberikan penghormatan untuk menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama. Malaysia telah menjadi perantara dalam menyelesaikan peperangan Iran-Iraq. Di samping itu, Malaysia juga memberikan sokongan kepada rakyat Palestin dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan semula tanah air mereka daripada Israel.

4. Malaysia pernah menjadi tuan rumah Persidangan OIC pada tahun 1974 dan 2003, di samping menganjurkan persidangan menentang pengganas di kalangan negara Islam pada tahun 2002. Tawaran biasiswa juga diberikan kepada para pelajar dari negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Malaysia juga telah mengesyorkan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi yang lain.
5. Sebagai negara anggota OIC, Malaysia juga telah mendapat faedah berupa pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. OIC juga telah memberikan bantuan kepada Malaysia untuk menubuhkan UIAM. Selain itu, Malaysia telah mendapat penghormatan daripada negara anggota yang lain kerana amat serius dalam memperjuangkan hak dan kebajikan negara-negara Islam.
6. Dasar Luar Malaysia yang mengutamakan kesejahteraan dan keamanan serantau dunia telah meninggalkan kesan positif kepada Malaysia. Ketokohan para pemimpin Malaysia jelas terbayang melalui dasar luar yang diamalkan. Dasar luar yang dinamik ini perlu agar Malaysia dapat bersedia menangani cabaran semasa yang dihadapi dalam era globalisasi. Malaysia juga harus mampu menangani cabaran ini dengan mengadakan perubahan yang pesat dan pantas di dalam negeri melalui dasar negara yang inovatif agar terus dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.

MALAYSIA DAN PERTUBUHAN SERANTAU

1. Pertubuhan serantau merupakan satu pertubuhan yang keanggotaannya terdiri daripada negara-negara yang berjiran antara satu sama lain. Pembentukan pertubuhan ini adalah untuk kepentingan politik, ekonomi atau sosial.
2. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, terdapat tiga pertubuhan serantau yang telah dibentuk dan disertainya, iaitu ASA pada tahun 1961, MAPHILINDO pada tahun 1963 dan ASEAN pada tahun 1967.

Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA)

1. Setelah mencapai kemerdekaan, negara kita dan juga negara-negara serantau diancam hebat oleh pengaruh komunis. Di Malaysia, pergerakan PKM telah memainkan peranan penting menyebarkan pengaruh fahaman komunis di kalangan rakyat. PKM telah diharamkan oleh kerajaan dan ini menyebabkan ahli-ahlinya melancarkan gerakan gerila bagi menjatuhkan kerajaan.
2. Di negara-negara jiran, ancaman komunis juga hebat terutamanya di Thailand yang bersempadan dengan Malaysia. PKM telah menggunakan sempadan Malaysia Thailand sebagai pangkalan gerakan gerila mereka dan ini menyukarkan usaha kedua-dua negara untuk melemahkan dan seterusnya menghapuskan gerakan komunis. Begitu juga dengan negara Filipina yang turut diancam oleh pengaruh komunis.
3. Malaysia ingin mengadakan kerjasama dengan negaranegara jiran agar dapat membendung pengaruh dan gerakan PKM. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan penubuhan ASA. Pertubuhan ini diharapkan dapat melindungi negara-negara anggota daripada ancaman komunis dan juga menjalinkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial.
4. Pada 31 Julai 1961, satu mesyuarat diadakan di Bangkok antara Malaysia dengan Thailand dan Filipina, hasilnya ASA telah ditubuhkan. Antara matlamat ASA yang digalurkan semasa penubuhannya termasuklah:

- Menjalankan kerjasama di kalangan negara anggota dalam bidang ekonomi, sains dan sosial.
 - Memberikan dan menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi di kalangan negara anggota.
 - Mengekalkan serta menjamin keselamatan dan kestabilan politik negara-negara serantau.
5. Walau bagaimanapun, matlamat tersebut tidak banyak dicapai kerana keadaan kerjasama yang erat. ASA juga dianggap sebagai pertubuhan antipemerintahan Presiden Soekarno di Indonesia. Kesangsian ini timbul kerana Malaysia mempunyai perjanjian ketenteraan dengan Britain sementara Thailand dan Filipina mempunyai perjanjian ketenteraan dengan Amerika Syarikat. Pertelingkahan antara Malaysia dengan Filipina tentang penubuhan persekutuan Malaysia telah membawa kepada pembubaran ASA pada tahun 1963.

MALAYSIA, FILIPINA DAN INDONESIA (MAPHILINDO)

1. MAPHILINDO merupakan cantuman nama tiga buah negara, iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk meningkatkan perhubungan persahabatan dan menyelesaikan pertelingkahan antara Malaysia-Filipina dan Malaysia-Indonesia.
2. Pertelingkahan yang timbul antara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut adalah disebabkan oleh cadangan pembentukan Malaysia. Indonesia tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia kerana Presiden Soekarno menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu neokolonialisme atau penjajahan bentuk baru. Tentangan Filipina pula adalah kerana negara tersebut menuntut Sabah yang didakwa masih menjadi hak milik negara mereka.
3. Bagi menyelesaikan pertelingkahan ini, Malaysia telah mengambil langkah mengadakan rundingan dengan Filipina dan Indonesia. Rundingan ini akhirnya membawa kepada penubuhan MAPHILINDO. Ketiga-tiga negara ini telah mencapai kata sepakat memohon bantuan PBB untuk mendapatkan pandangan rakyat Sarawak dan Sabah tentang cadangan penubuhan persekutuan Malaysia.
4. PBB telah menghantar perwakilannya pada tahun 1963 yang diketuai oleh Lawrence V. Michael More untuk meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah. Hasilnya, majoriti rakyat di kedua-dua negeri berkenaan bersetuju dan menyokong pembentukan Malaysia. Sungguhpun begitu, Indonesia dan Filipina kurang berpuas hati dengan hasil siasatan PBB dan terus menentang pembentukan Malaysia. Persengketaan yang berterusan ini menyebabkan MAPHILINDO telah tidak berperanan lagi.

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

1. Hasrat Malaysia untuk berbaik-baik dan mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran tetap diteruskan walaupun dua buah pertubuhan yang dibentuk sebelum ini, iaitu ASA dan MAPHILINDO gagal dan tidak dapat bertahan lama.
2. Usaha ini akhirnya berhasil dengan termeterainya Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 yang membawa kepada penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau lebih dikenali sebagai ASEAN.
3. Antara matlamat pembentukan ASEAN termasuklah mengekalkan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara, membantu antara satu sama lain dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan, meningkatkan taraf hidup penduduk melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian, memberikan kerjasama dan membantu dalam bentuk latihan dan penyelidikan serta mengadakan hubungan yang erat dengan persatuan atau pertubuhan serantau dan antarabangsa. Keanggotaan

4. ASEAN pada ketika itu terdiri daripada lima buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura. Jumlah anggotanya bertambah menjadi sepuluh apabila kesemua negara di Asia Tenggara menjadi ahli. Negara-negara berkenaan ialah Vietnam, Myanmar, Brunei, Laos dan Kampuchea. Negara Papua New Guinea telah dilantik sebagai pemerhati kerana negara ini terletak bersempadan dengan Indonesia tetapi bukan di dalam zon Asia Tenggara.
5. Kerjasama antara negara anggota ASEAN semakin teguh hingga ke hari ini dan bagi memastikan perjalanannya yang lancar, struktur pentadbiran ASEAN dibentuk.

Peranan dan Sumbangan Malaysia dalam ASEAN

1. ASEAN dapat dilihat sebagai asas yang kuat dalam menjalinkan kerjasama serantau. Jika dilihat dari awal penubuhannya hingga kini, banyak rancangan yang berjaya dilaksanakan demi kebaikan bersama.
2. Dalam Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan November 1971, satu deklarasi bersama telah ditandatangani oleh semua negara anggota yang dikenali sebagai, Deklarasi Kuala Lumpur. Mereka sepakat mengisytiharkan negara-negara ASEAN sebagai zon aman, bebas dan berkecuali atau lebih dikenali sebagai Zone of Peace, Free and Neutrality (ZOPFAN). Tujuan utama ZOPFAN adalah untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara, tidak bersekongkol dengan mana-mana blok Barat atau blok Timur bagi mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar.
3. Walau bagaimanapun, konsep ZOPFAN ini teruji apabila Vietnam menceroobh Kampuchea pada tahun 1978 dan menjatuhkan kerajaan Khmer Rouge. ASEAN telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan satu mesyuarat bagi membentuk kerajaan Demokratik Campuran Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk. Vietnam telah bersetuju dengan cadangan berkenaan dan mesyuarat ini telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1982.
4. Dalam mesyuarat pada tahun 1984, Menteri-Menteri Luar ASEAN telah memutuskan bahawa ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear. Ini bermakna rantau ini tidak akan membenarkan mana-mana kapal menggunakan perairan dan kemudahan pelabuhannya untuk mengangkut bahan atau senjata nuklear. Pengisytiharan ini menunjukkan kepada dunia akan komitmen negara-negara anggota ASEAN terhadap konsep ZOPFAN.
5. Walaupun agenda utama ASEAN adalah ke arah integrasi ekonomi, namun, perkembangan ke arah kerjasama ekonomi ini agak perlahan. Negara-negara ASEAN telah membentuk kerjasama dalam projek-projek perindustrian contohnya projek baja urea di Bintulu (Sarawak) serta di Aceh (Indonesia). Kerjasama ekonomi ASEAN cuba difikirkan melalui zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau ASEAN Free Trade Area (AFTA) yang telah diumumkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura pada tahun 1992.
6. Malaysia juga telah mengemukakan idea melalui ASEAN untuk memperluas skop kerjasama ekonomi bagi rantau sebelah sini yang melibatkan China, Jepun dan Korea Selatan. Idea ini yang telah dikemukakan oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dinamakan Perundingan Ekonomi Asia Timur atau East Asian Economic Caucus (EAEC). Walau bagaimanapun, idea ini telah ditentang oleh negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat. Tetapi, usaha ini tidak dibiarkan begitu sahaja kerana kerjasama secara tidak rasmi tetap terus diadakan melalui konsep ASEAN + 3. Konsep ASEAN + 3 ini merujuk pada kerjasama yang ingin diwujudkan antara negara ASEAN dengan negara-negara timur, iaitu China, Jepun, dan Korea. Menteri-Menteri Luar negara-negara ini dijemput menghadiri siri perbincangan tentang kerjasama yang ingin diwujudkan.

7. Kerjasama dalam bidang pendidikan juga wujud dengan tertubuhnya Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO) yang memberikan tumpuan ke arah kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan. Contohnya, pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM) di Pulau Pinang, Malaysia.
8. Kerjasama lain yang dibuat atas semangat kerjasama ASEAN adalah dalam bidang kebudayaan dan sosial seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian dengan menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN. Selain itu, pertukaran rancangan televisyen dan radio dijalankan. Sukan SEA juga diadakan untuk merapatkan hubungan antara negara melalui semangat kesukanan. Dalam bidang pelancongan kerjasama dijalankan dengan mengadakan Tahun Melawat ASEAN pada tahun 1992.
9. Malaysia telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan kerjasama serantau melalui dasar berbaik-baik dengan negara jiran. Ini jelas kelihatan melalui peranan Malaysia dalam pertubuhan ASA, MAPHILINDO dan ASEAN.

**Kawasan Perdagangan
Bebas ASEAN (AFTA)**

- AFTA bertujuan menghapuskan sekatan dagangan dan menggalakkan kerjasama ekonomi di kalangan negara ASEAN. Ini akan mewujudkan satu jumlah pasaran yang luas kerana penduduk ASEAN begitu ramai.
- Peningkatan barangan keluaran negara-negara ASEAN akan mengembangkan industri ferbabit dan seterusnya akan meningkatkan ekonomi negara-negara berkenaan.

CABARAN MASA DEPAN

1. Penciptaan teknologi memainkan peranan penting dalam selaroh dunia sehingga hari ini yang memperlihatkan hubungan antarabangsa menjadi lebih giat. Pada akhir abad ke- 20 dan yang paling penting pada abad ke- 21 ini muncul revolusi teknologi maklumat yang membawa perubahan besar kepada kehidupan kita. Malaysia membuat perancangan awal bagi menghadapi perubahan ini agar dapat samasama bersaing dengan negara-negara di dunia.

Globalisasi

2. Globalisasi merujuk pada perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan yang disebabkan oleh kepesatan atau kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Segala aspek penting dari segi ekonomi dan sosial seperti barangan, modal, tenaga manusia, kemahiran dan nilai menyeberangi sempadan dalam masa yang begitu singkat. Perubahan yang meliputi skop yang luas ini dihubungkan dengan kemajuan teknologi, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information and Communication Technology (ICT)

3. Peralatan teknologi baru seperti komputer dan internet, perkembangan teknologi telekomunikasi contohnya telefon mudah alih, dan kos pengangkutan yang semakin murah merupakan faktor-faktor yang menjadi pemangkin kepada hubungan sesama manusia

antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Inovasi teknologi ini membawa perubahan yang luas dalam masa yang singkat.

4. ICT merujuk pada kaedah serta peralatan yang membolehkan proses komunikasi berlaku dengan pantas, mudah dan berkesan tanpa mengira sempadan.
5. Malaysia menyedari kepentingan ICT dan telah menyediakan prasarana bagi merebut peluang serta faedah yang dihasilkan olehnya. Justeru, Malaysia telah menjalankan pelbagai langkah bagi mempromosikan penggunaan ICT. Dalam mencapai objektif pembangunan jangka panjang, Malaysia telah merancang pembinaan prasarana ICT seperti yang terdapat dalam wawasan 2020. Bagi mencapai objektif ini, kerajaan telah melancarkan projek Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC) yang telah memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan, e-dagang dan penyiaran digital.

Koridor Raya Multimedia

6. Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kelapan, umpamanya, telah menyediakan peruntukan belanjawan sebanyak RM5.2 bilion bagi projek berasaskan ICT. Pada masa yang sama, jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar juga tidak dilupakan apabila RMI bilion daripada peruntukan tersebut diagihkan bagi program luar bandar. Dengan ini, kerajaan Malaysia menggalakkan perkembangan dan penggunaan ICT secara positif dengan harapan rancangan dan pelaksanaan ekonomi berlandaskan pengetahuan (k-ekonomi) dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya membangunkan ekonomi negara dan meletakkan Malaysia dalam posisi yang lebih baik pada era globalisasi ini.

Koridor Raya Multimedia (MSC)

Dilancarkan pada 27 Jun 1998. Koridor Raya Multimedia ini merujuk pada sebuah kawasan yang mencakupi Kuala Lumpur City Center (KLCC) sehingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Koridor raya ini dibangunkan secara berperingkat dan akan mencakupi seluruh negara. Tujuan adalah untuk memartabatkan sepenuhnya perkembangan teknologi maklumat dan multimedia global dan seterusnya melahirkan masyarakat yang bermaklumat.

K-ekonomi

7. K- ekonomi, iaitu ekonomi berlandaskan pengetahuan atau knowledge-based economy merujuk pada keupayaan seseorang untuk menggunakan ilmu pengetahuan bagi mencipta satu nilai baru yang dapat membawa kemajuan.
8. Sebelum ini, dunia mengukur kemajuan atau kekayaan sesebuah negara itu berdasarkan jumlah simpanan emas serta pemilikan tanah jajahan yang luas dan sumber semula jadi. Pengukuran kekayaan kemudiannya beralih kepada pengeluaran barangan pertanian atau barangan industri. Namun, pada era globalisasi, k-ekonomi memainkan peranan yang penting yang mampu bersaing dalam meningkatkan mutu pengeluaran dan perkhidmatan yang disediakan. Pada era k-ekonomi, teknologi dan industri berasaskan ilmu pengetahuan merupakan penggerak utama dalam menjana keuntungan, kemajuan pemiagaan, peluang pekerjaan serta perkongsian pintar. Bagi menjayakan ini, sumber yang paling berharga ialah modal intelek dan juga pekerja berpengetahuan.
9. Modal intelek hanya boleh dihasilkan melalui kekayaan pengetahuan, diikuti dengan semangat serta daya saing yang tinggi. Tenaga kerja berpengetahuan amat diperlukan oleh negara untuk membangunkan industri berasaskan pengetahuan. Inovasi merupakan

kunci utama yang menentukan kejayaan k-ekonomi dan ini boleh dicapai melalui penyelidikan dan pembangunan atau research and development (R & D). Kerajaan Malaysia telah menyediakan peruntukan yang besar kepada penyelidikan dan pembangunan dalam usaha menggalakkan penciptaan baru dan pendaftaran paten. Di samping itu, kerajaan sentiasa menggalakkan rakyatnya supaya menggunakan segala penemuan baru dalam usaha meningkatkan tahap kemajuan bangsa dan negara. Dengan cara ini Malaysia akan mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi selari dengan matlamat globalisasi.

K-masyarakat

10. K-masyarakat atau knowledge society (k-society) merujuk kepada masyarakat yang sentiasa berusaha memperbaiki dan memperkaya diri dengan pengetahuan agar terus dapat bersaing. Ini selari dengan konsep pembelalaran sepanjang hayat. Prasarana untuk pertumbuhan k-society telah dibangunkan dengan secepatnya oleh kerajaan Malaysia terutama dalam bidang pendidikan.
11. Usaha telah dijalankan bagi membangunkan dan menyusun semula sistem pendidikan Malaysia. Antaranya, sekolah wawasan bagi memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum yang dapat meningkatkan daya saing. Sekolah bestari pula dilengkapkan dengan prasarana teknologi maklumat atau information technology (IT) dalam usaha memupuk rasa cinta terhadap IT. Kurikulum juga diubahsuai dan dibentuk semula agar dapat melahirkan pelajar yang kreatif, dinamis serta berfikiran kritis dan analitis. Hal ini dapat melahirkan kumpulan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, bermotivasi tinggi dan berkemahiran tinggi sebagaimana yang diperlukan bagi menyahut cabaran globalisasi. Matlamat k-masyarakat dan k-ekonomi adalah selari dengan Wawasan 2020 yang berusaha mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan saintifik.

RUMUSAN

Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang dinamis dalam strategi dasar luarnya bagi memastikan negara dapat terus bersaing dalam dunia yang sedang mengalami perubahan yang pesat dari segi politik, ekonomi dan sosial. Sejarah membuktikan betapa penting sesebuah negara mengejar maklumat dan mengikuti perubahan semasa dunia serta sentiasa di hadapan dalam mengejar kemajuan terutama dalam dunia yang tidak bersempadan. Tiada halangan bagi rakyat Malaysia untuk mengikuti perkembangan dan meraih maklumat dalam mengejar kemajuan. Semua perkara ini bergantung pada kehendak dan semangat serta daya saing rakyat negara ini untuk berjaya pada peringkat dunia.